

# Program pengalihan kanak-kanak mula Ogos

BH- 22/2/2019 m/s 16

➔ Kementerian peringkat akhir gubal panduan realisasi pelaksanaan

Oleh Fitri Nizam  
bhnews@bh.com.my

Marang

Program pengalihan (*diversion programme*) kanak-kanak yang ditahan atas kesalahan jenayah yang dirangka Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan dilaksanakan pada Ogos depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata program itu adalah sistem pengalihan kanak-kanak terbabit jenayah ringan dan tidak serius daripada sistem kehakiman sedia ada.

Katanya, Kementerian kini berada pada peringkat terakhir untuk menggubal garis panduan bagi merealisasikan pelaksanaan sistem diperkenalkan itu yang dijangka siap Mac depan.

"Mengikut program ini, kanak-kanak yang terbabit kesalahan ringan tidak akan ditahan. Mereka menjalani modul intervensi disediakan khas mengikut jenis kesalahan dan latar belakang kanak-kanak itu.

"Modul intervensi itu merangkumi kaunseling, khidmat masyarakat, membayar ganti rugi atau membaik pulih kerosakan yang dilakukan," katanya berucap pada program turun padang ke institusi kanak-kanak di Sekolah Tunas Bakti Perempuan, Marang, semalam.

## Rehabilitasi alternatif

Mengulas program *diversion*, Dr Wan Azizah berkata, kesan buruk dari sudut psikologi yang dihadapi kanak-kanak kerana melalui proses perundangan akibat melakukan kesalahan kecil kadangkala lebih teruk berbanding kesalahan dilakukan sendiri.

"Justeru, inisiatif seperti *diversion* yang saya nyatakan perlu dipertimbang untuk dilaksanakan sebagai kaedah rehabilitasi alternatif," katanya.

Dr Wan Azizah, berkata pelaksanaan projek rintis *diversion* itu perlu dilakukan berikutan peningkatan statistik jenayah membabitkan kanak-kanak di-



Program itu adalah sistem pengalihan kanak-kanak terbabit jenayah ringan dan tidak serius daripada sistem kehakiman sedia ada"

Dr Wan Azizah  
Wan Ismail,  
Timbalan Perdana Menteri

rekodkan saban tahun.

"Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan kanak-kanak yang terbabit dengan jenayah agak membimbangkan.

"Pada 2016, 4,886 kes dilaporkan membabitkan kanak-kanak dan jumlah itu meningkat 11.7 peratus pada tahun berikutnya, iaitu 5,146 kes," katanya.

Sementara itu pada majlis lain, Wan Azizah berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) diingat memastikan operasi pembersihan dilakukan di sekitar kawasan bencana bagi mengelak risiko kesihatan.

Beliau turut mengingatkan PBT, banjir surut bukan bererti hidup kembali normal, sebaliknya boleh membawa pelbagai kesan penyakit kepada rakyat terutama mangsa bencana.

"Kesan pasca banjir akan membebankan mangsa kerana mereka terpaksa hidup dengan sampah sarap bertimbun, kesan lumpur kekal di rumah dan kekurangan bekalan air bersih.

"Usaha pembersihan persekitaran pasca bencana perlu diambil tindakan sewajarnya bagi mengelak risiko kesihatan," katanya selepas taklimat khas Pasca Bencana Monsun Timur Laut di sini, semalam.